

SANGGAR BICARA KURSI PENGAJIAN MALAYSIA: VICTORIA UNIVERSITY OF WELLINGTON, NEW ZEALAND

15 Disember 2025 (Isnin)
8.00 pagi – 12.00 tengah hari

Bilik Mesyuarat KITA
Aras 4, Bangunan Pentadbiran Kolej Keris Mas
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor

ATUR CARA TENTATIF

08.00 pagi	Kehadiran peserta, pendaftaran & sarapan pagi
08.30 pagi	Kehadiran tetamu jemputan
09.00 pagi	Ucapan aluan YBhg. Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, FASc Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA)
09.15 pagi	Sanggar Bicara Mantan Penyanggand Kursi Pengajian Malaysia: Victoria University of Wellington, New Zealand Moderator: YBrs. Prof. Madya Dr. Zaini Othman Felo Penyelidik Kanan Institut Kajian Etnik (KITA) Ahli Panel: YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Hood Salleh YBhg. Profesor Emeritus Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Wan Rafaei Abdul Rahman
10.20 pagi	Pembentangan Pelan Tindakan dan Perancangan Strategik Baharu Penyanggand Kursi YBhg. Profesor Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid Timbalan Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA)
10.40 pagi	Sesi Diskusi
11.45 pagi	Penutup & Merarau

BIODATA RINGKAS PANEL



PROFESOR EMERITUS DATO' DR. HOOD SALLEH dilahirkan pada 24 November 1942 di Seremban, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan awal di Anglo-Chinese School, Seremban dan King George Vth School, Seremban. Beliau meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) di University of Western Australia pada tahun 1970; Postgraduate Diploma dalam bidang Antropologi Sosial di University Oxford (1971); Bachelor of Letters (1974) dan Ijazah Doktor Falsafah juga dari University Oxford pada tahun 1978. Beliau memulakan kerjaya sebagai tutor (1970-1972) di Jabatan Antropologi dan Soisologi; Pensyarah Antropologi Sosial (1973-1979); Profesor Bersekutu Antropologi Sosial (1980-1992); Profesor Antropologi Sosial (1993); Pengarah Bersekutu, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (1995-1997); Foundation Profesor Pengajian Melayu, Victoria University of Wellington, New Zealand dan Profesor/Fellow Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau banyak melakukan penyelidikan berkaitan antropologi dan sosiologi seperti Continuities Between Malay Society and Other Indigenous Societies of the Malay Peninsular. Wider Ethnographic Issues on the Malay World; Indigenous People, in Relation to Land, Cultural Relation and Governance, Especially the Question of Modern Identity and Institution Building, With Special Reference to the Orang Asli of Malaysia and Bumiputra of Sarawak and Sabah; Mountains, Conservation and People.

BIODATA RINGKAS PANEL



PROFESOR EMERITUS DR. UNGKU MAIMUNAH MOHD TAHIR dilahirkan di Johor Bahru, Johor. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Kampung Baru, Sultan Ibrahim Girls' School dan English College (kini dikenali sebagai Maktab Sultan Abu Bakar), Johor Bahru. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya untuk Ijazah Sarjana Muda, University of Leeds, United Kingdom untuk Ijazah Sarjana dan The Australian National University (ANU), Canberra pada 1985 untuk Ijazah Doktor Falsafah. Kerjaya Ungku Maimunah bermula pada 1976 sebagai pensyarah di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM), Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemudian, beliau dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya pada 1987 dan sebagai Profesor dalam bidang Sastera pada tahun 2000. Dalam bidang pentadbiran pula, Ungku Maimunah memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan di Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dari 1997 hingga 1999. Ungku Maimunah pernah menjadi Pensyarah Tamu di Universitas Gadjah Mada, Indonesia, Pensyarah Undangan di Institut Nordic, Denmark dan beberapa kali menjadi Felo Penyelidik di Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), Singapura. Beliau adalah sarjana Malaysia yang pertama diundang sebagai pensyarah di South East Asian Studies Summer Institute (SEASSI), University of Oregon, Eugene, Amerika Syarikat pada 1988. Beliau juga adalah wanita pertama yang menyertai jawatankuasa GAPENA, dan jawatankuasa Anugerah Sastera Negara. Pada tahun 2005, beliau telah dilantik sebagai Penyandang Kerusi Pengajian Melayu di Victoria University of Wellington, New Zealand. Beliau pernah bertugas sebagai Felo Penyelidik Utama di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) sehingga Februari 2022. Beliau adalah pengasas projek DAMAI (Dunia Melayu dan Islam) yang berpangkalan di ATMA dan dilantik sebagai pengerusi. Pengkhususan beliau ialah Kritikan Sastera, Teori Sastera, Sastera Bandingan, Kajian Gender dan Bikinan Ilmu serta Proses Bikinan Ilmu. Kini, antara projek yang beliau laksanakan ialah memantapkan anjakan baru dalam kritikan sastera Melayu berdasarkan gagasan Persuratan Baru.

BIODATA RINGKAS PANEL



PROFESOR EMERITUS DATO' DR. WAN RAFAEI ABDUL RAHMAN disifatkan sebagai pelopor psikologi bukan sahaja di UKM malahan dalam negara. Berdasarkan ilmu dan penyelidikan dalam psikologi pelbagai etnik dalam rumpun Melayu, beliau menyandang Kursi Pengajian Melayu di Victoria University of Wellington, New Zealand sejak tahun 2010. Beliau diberi tanggung jawab membantu merancang pusat psikologi UKM pada tahun 1972. Beliau belajar di *Malay College* Kuala Kangsar dan seterusnya ke universiti. Beliau mulai belajar psikologi di Universiti Newcastle, Australia pada tahun 1967 dengan biasiswa MARA sehingga memperolehi ijazah sarjana pada tahun 1974. Beliau merupakan penuntut Asia pertama di universiti itu yang dianugerah pingat emas sebagai siswazah cemerlang. UKM ditubuhkan pada May 1970 dan beliau menjadi penolong pensyarah di UKM pada awal tahun 1972. Seterusnya pada tahun 1978 beliau berjaya mendapat ijazah doktor falsafah (PhD) daripada University of Wales, United Kingdom, melalui biasiswa Commonwealth. Beliau juga memulakan program yang pertama dalam bidang kaunseling di Malaysia iaitu Diploma Kaunseling pada tahun 1980.

BIODATA RINGKAS PANEL



PROFESOR DR. KARTINI ABOO TALIB @ KHALID memiliki pengalaman luas dalam pengajaran dan penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pensyarah Kanan di Northeastern University dari tahun 2006 hingga 2008 dan seterusnya memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah di Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kartini telah menerima biasiswa William J. Fulbright dan memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang Undang-undang, Dasar dan Masyarakat dari Northeastern University di Boston. Beliau terlatih sebagai penganalisis dasar dan telah menyiapkan sembilan kertas dasar nasional utama untuk kerajaan. Selain itu, beliau pernah menyampaikan ucap tamsil di beberapa persidangan serantau dan dijemput sebagai pensyarah undangan di SIMI Swiss dari 2022 hingga kini, serta di Frankfurt University of Applied Sciences untuk Program Akademi Musim Panas dari 2013 hingga 2015. Beliau juga telah dijemput sebagai penceramah dalam pelbagai topik termasuk di University of Essex (2023), Durham University (2023), Paris Versailles University, Perancis (2022), Minzu University dan Xiamen University di China pada tahun 2023. Pada tahun 2014, beliau dilantik sebagai Perunding Negara untuk Malaysia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Kesaksamaan Gender dan Pemerkasaan Wanita. Penyelidikan dan penerbitannya banyak memberi tumpuan kepada dasar awam dan etnisiti, merangkumi tema jantina, masyarakat sivil, politik perbandingan, dan kepenggunaan. Pengiktirafan yang diberikan oleh UKM kepada beliau termasuklah Felo Terbaik Tahun Ini (2021, 2013), Anugerah Bitara Massa (2021), Penerbitan MyRA Terbaik Kategori Profesor (2021), Penyelia Siswazah MyRA Terbaik (2020), Penyelidik MyRA Terbaik (2020), dan Inovasi Terbaik UKM IDEA (2015). Beliau juga kerap menjadi pengulas untuk media tempatan dan antarabangsa termasuk BBC, Al Jazeera, Channel News Asia Singapore, Asia Times Singapore, South China Morning Post Hong Kong, Dunya Turkiye, Astro Awani, Astro AEC, RTM, TV AlHijrah, BernamaTV, TV3, News Straits Times Malaysia, MalayMail, Berita Harian, Kosmo, Malaysian Insider, FMT, Malaysia Today, Malaysia Now, GETARAN, The Vibes, PNN BBC, The Malaysian Insight, Sin Chew Daily, The Vibe, dan Malaysiakini. Mulai 1 Disember 2025, beliau dilantik sebagai Penyandang Kursi Pengajian Malaysia, Victoria University of Wellington, New Zealand bagi tempoh dua tahun.